

Perdana Menteri yaki'n rakyat boleh usaha cara lain beli komputer

11 AUG 2002

PUTRAJAYA 20 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakyat boleh mengusahakan pelbagai cara lain untuk membeli komputer walaupun Skim Pengeluaran Pembelian Komputer (SPPK) menggunakan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dibatalkan.

Perdana Menteri yang menyokong penuh pembatalan itu berkata, agenda Satu Komputer Satu Rumah tidak akan terjejas tanpa SPPK kerana rakyat mempunyai alternatif termasuk mendapatkan pinjaman dari sumber lain atau menyewa komputer dengan kos yang minimum.

"Tidak ada (menjejaskan agenda Satu Komputer Satu Rumah) kerana boleh cari duit lain, bukannya mahal sangat. Sekarang ini kita juga boleh sewa komputer dengan harga RM50 sahaja sebulan seperti yang ditawarkan oleh Komputer Nasional," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian kepada

da pemberita selepas merasmikan Majlis Pervertuunan Tasik Putrajaya di sini hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan mengulas kenyataan pembatalan SPPK berkuat kuasa serta-merta brikutan penyalahgunaan simpanan tabung pencen itu.

KWSP menggantung SPPK tiga bulan mulai 27 Jun bagi menjalankan kajian lengkap keberkesanan skim tersebut dan laporan perunding yang dilantik mendapati kebanyakan daripadanya disalah guna.

Menurut Dr. Mahathir, beliau menyokong penuh pembatalan itu kerana ia mungkin menimbulkan masalah kepada pencarum selepas mereka bersara kelak.

"Saya memang tidak senang hati gunakan duit KWSP untuk tujuan lain kerana KWSP bertujuan untuk memberikan sara hidup selepas bersara kelak.

"Kalau beli rumah tidak apa juga kerana rumah kita boleh

duduk situ sampai bila-bila tetapi komputer lama-lama akan ketinggalan, (jadi) lepas itu mahu cari duit kat mana untuk beli komputer?," kata Perdana Menteri.

Selain itu, kata beliau, SPPK terdedah kepada pelbagai penyelewengan lain.

Semalam, Pengerusi Lembaga KWSP, Tan Sri Abdul Halim Ali menyatakan, kajian yang dijalankan oleh perunding itu mendapati 80 peratus komputer peribadi di negara ini tidak dibeli melalui SPPK.

Sehubungan itu, agenda Satu Komputer Satu Rumah boleh dicapai walaupun skim pengeluaran itu dihentikan, kata Abdul Halim.

Pelaksana skim itu, Odasaja (M) Sdn. Bhd. dan Pos Malaysia bagaimanapun merayu kerajaan supaya meneruskan SPPK demi kebajikan masyarakat dan perkembangan teknologi maklumat negara.